

Headline	Argentina edar 82 juta kondom		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Jan 2013	Color	Black/white
Section	Dunia	Circulation	192,982
Page No	38	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	88 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,537
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,612



Argentina edar 82 juta kondom

Buenos Aires: Argentina merancang mengedarkan kira-kira 82 juta kondom secara percuma di seluruh negara sepanjang 2013, dalam kempen menentang penyakit jangkitan seksual termasuk HIV, kata Kementerian kesihatan.

Kondom berkenaan akan diserahkan kepada pusat kesihatan, sekolah, penjara, bar dan kelab malam, selain rangkaian 3,000 pusat khas di agensi perkhidmatan awam.

“Pemberian kondom bersama 17 juta gel pelincir, bertujuan memastikan kaedah yang digunakan dapat mencegah penyakit jangkitan seksual,” kata kementerian itu dalam satu kenyataan.

Pelincir membantu mencegah kondom koyak dan mengelak pengguna daripada melecet, yang boleh mengakibatkan darah tercemar menjangkiti pasangan.

5,500 pesakit baru hidap HIV

Di Argentina, 5,500 pesakit baru yang menghidap HIV dilaporkan setiap tahun dengan 90 peratus daripada jangkitan berpunca daripada mereka yang melakukan hubungan seks tanpa perlindungan.

“Bagaimanapun, kami mendapati jumlah pesakit baru berkurangan kepada 30 peratus sejak 2004, manakala kadar jangkitan pada 2010, ialah 11.7 kes bagi setiap 100,000 orang berbanding 17.3 sebelumnya,” katanya.

Argentina mempunyai 40 juta penduduk dengan 30 juta daripada mereka berusia lebih 15 tahun.

Agensi